

**SOALAN LAZIM/ FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
PROGRAM MyPSV TAHUN 2023**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah Program MyPSV?	<p>Program MyPSV adalah bertujuan untuk memperkasa kumpulan B40 yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 bagi mendapatkan Lesen Vokasional bagi Kelas Perkhidmatan Awam (PSV) E-hailing/ Teksi/ Bas (BTM > 7,500kg) serta membuka peluang untuk mempertingkat taraf sosioekonomi dan pendapatan isi rumah melalui peluang pekerjaan dalam sektor kenderaan perkhidmatan awam dan pelancongan. Program ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan.</p>
2.	Apakah manfaat yang diperoleh oleh peserta sekiranya menyertai Program MyPSV?	<p>Peserta akan ditawarkan dan dibayai untuk menjalani latihan dan ujian sehingga mendapatkan Lesen Vokasional bagi Kelas Perkhidmatan Awam (<i>Public Service Vehicle – PSV</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> • E-Hailing/ Teksi; atau • Bas (BTM > 7,500 kg)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
3.	Apakah kelas lesen yang ditawarkan di bawah Program MyPSV?	<p>Peserta akan ditawarkan Lesen Vokasional bagi Kelas Perkhidmatan Awam (<i>Public Service Vehicle – PSV</i>) :</p> <ul style="list-style-type: none"> • E-Hailing/ Teksi; atau • Bas (BTM > 7,500 kg)
4.	Adakah peserta perlu memilih salah satu kelas lesen (E-Hailing/ Teksi atau Bas) di bawah Program ini?	<p>Ya, peserta hanya boleh memilih salah satu kelas lesen sahaja.</p> <ul style="list-style-type: none"> • E-Hailing/ Teksi; atau • Bas (BTM > 7,500 kg).
5.	Berapakah jumlah elaun yang akan diberikan kepada peserta?	Tiada elaun yang akan diberikan kepada peserta.
6.	Dimanakah saya boleh membuat pendaftaran bagi Program MyPSV?	<p>Pendaftaran peserta boleh dibuat melalui pautan atau Kod QR seperti dibawah:</p> <p>https://forms.gle/aHhWUxLckeQmP64A</p> 

BIL	SOALAN	JAWAPAN
7.	<p>Apakah syarat kelayakan bagi permohonan Program MyPSV?</p> <p>i. Peserta:</p> <p>PSV E-Hailing/ Teksi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia; • Umur 21 Tahun dan ke atas; • Memiliki Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas D/DA; • Lulus Pemeriksaan Kesihatan (JPJL8A); dan • Bebas senarai hitam, Mahkamah, JPJ dan PDRM. <p>PSV Bas (BTM > 7,500kg)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia; • Umur 21 Tahun dan ke atas; • Memiliki Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas D melebihi 1 tahun; • Lulus Pemeriksaan Kesihatan (JPJL8A); dan • Bebas senarai hitam, Mahkamah, JPJ dan PDRM. <p>**Keutamaan diberikan kepada kepada kumpulan B40.</p> <p>ii. Institut Memandu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan fasiliti latihan teori, amali dan ujian. <p>iii. EHO:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan fasiliti latihan teori 	

BIL	SOALAN	JAWAPAN
8.	Berapakah kos bayaran yuran ulangan	Kos ujian (termasuk ulangan kali pertama dan kedua) akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.
9.	Adakah OKU dibenarkan untuk menyertai Program MyPSV?	Orang Kurang Upaya (OKU) yang memegang Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas D/DA dibenarkan untuk memohon PSV E-Hailing/ Teksi sahaja dengan mendapat pengesahan pegawai perubatan yang bertauliah (JPJL8A).
10.	Adakah peserta yang mempunyai Lesen Memandu DA dibenarkan untuk mengikuti Program MyPSV?	<p>Pemegang Lesen Memandu Kompeten (CDL) bagi Kelas D/DA hanya layak memohon PSV E-Hailing/ Teksi sahaja di bawah Program ini.</p> <p>Peserta bagi Lesen Vokasional PSV Bas (BTM $> 7,500\text{kg}$) perlu memiliki Lesen Memandu Kompeten (CDL) bagi Kelas D melebihi 1 tahun.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN												
12.	Berapa lamakah tempoh masa yang diperlukan oleh setiap peserta untuk menjalani latihan dan ujian memandu bagi Program ini?	<p>Peserta perlu menjalani kesemua modul latihan dan/atau ujian memandu mengikut tempoh masa dan prosedur yang telah ditetapkan oleh JPJ mengikut situasi berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Lesen Sedia Ada</th> <th>Kelas Lesen Yang Dimohon</th> <th>Masa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>D/ DA</td> <td>PSV Teksi/ E-hailing</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Tambah PSV Teksi/ E-hailing <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 6 Jam </td> </tr> <tr> <td>D</td> <td>PSV Bas</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Tambah Kelas E <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 6 Jam; ◦ Latihan Praktikal 8 Jam; ◦ Pra Ujian 30 Minit; dan ◦ Ujian Praktikal 1 Jam. • Tambah PSV Bas <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 7 Jam; ◦ Latihan Praktikal 8 Jam; dan ◦ Ujian Praktikal 1 Jam. </td> </tr> <tr> <td>E</td> <td>PSV Bas</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Tambah PSV Bas <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 7 Jam; ◦ Latihan Praktikal 8 Jam; dan ◦ Ujian Praktikal 1 Jam, </td> </tr> </tbody> </table>	Kelas Lesen Sedia Ada	Kelas Lesen Yang Dimohon	Masa	D/ DA	PSV Teksi/ E-hailing	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah PSV Teksi/ E-hailing <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 6 Jam 	D	PSV Bas	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah Kelas E <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 6 Jam; ◦ Latihan Praktikal 8 Jam; ◦ Pra Ujian 30 Minit; dan ◦ Ujian Praktikal 1 Jam. • Tambah PSV Bas <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 7 Jam; ◦ Latihan Praktikal 8 Jam; dan ◦ Ujian Praktikal 1 Jam. 	E	PSV Bas	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah PSV Bas <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 7 Jam; ◦ Latihan Praktikal 8 Jam; dan ◦ Ujian Praktikal 1 Jam,
Kelas Lesen Sedia Ada	Kelas Lesen Yang Dimohon	Masa												
D/ DA	PSV Teksi/ E-hailing	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah PSV Teksi/ E-hailing <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 6 Jam 												
D	PSV Bas	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah Kelas E <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 6 Jam; ◦ Latihan Praktikal 8 Jam; ◦ Pra Ujian 30 Minit; dan ◦ Ujian Praktikal 1 Jam. • Tambah PSV Bas <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 7 Jam; ◦ Latihan Praktikal 8 Jam; dan ◦ Ujian Praktikal 1 Jam. 												
E	PSV Bas	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah PSV Bas <ul style="list-style-type: none"> ◦ Teori 7 Jam; ◦ Latihan Praktikal 8 Jam; dan ◦ Ujian Praktikal 1 Jam, 												

BIL	SOALAN	JAWAPAN
13.	Di manakah peserta perlu menjalani latihan dan ujian memandu?	Peserta perlu mengikuti latihan dan ujian di Institut Memandu (IM) atau <i>E-Hailing Operator</i> (EHO) yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sahaja.
14.	Adakah peserta dibenarkan untuk bertukar ke IM/EHO lain setelah berjaya menjalani sebahagian daripada latihan yang ditetapkan atau dibenarkan untuk berhenti daripada meneruskan latihan dan ujian?	Tidak. Peserta perlu menghabiskan latihan dan ujian di IM/EHO yang daftarkan dan tidak dibenarkan untuk bertukar ke IM/ EHO lain. Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat Program yang ditetapkan melalui surat Aku Janji bagi memastikan komitmen peserta terhadap Program yang dilaksanakan.
15.	Adakah peserta perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum menyertai Program MyPSV?	Ya. Pemeriksaan kesihatan perlu dilakukan oleh peserta dengan mengemukakan Borang Pemeriksaan Kesihatan (JPJL8A) yang telah mendapat pengesahan pegawai perubatan yang berauliah. Hanya peserta yang melepas tapisan kesihatan sahaja akan dibenarkan untuk menyertai Program ini. **Kos bagi pemeriksaan kesihatan adalah di bawah tanggungan peserta sendiri.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
16.	Adakah kos-kos lain yang tidak termasuk di dalam pakej yuran Program MyPSV akan turut ditanggung oleh pihak Kerajaan?	Tidak. Kos-kos lain seperti pemeriksaan kesihatan, pengangkutan, penginapan dan makan minum sepanjang peserta mengikuti latihan dan ujian memandu perlu ditanggung oleh peserta dan tidak termasuk dalam pakej yuran pembayaan.
17.	Apakah yang menyebabkan peserta gagal untuk menamatkan Program dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu 5 bulan. MyPSV?	Apabila peserta gagal menamatkan Program dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu 5 bulan. Sekiranya peserta gagal menamatkan Program seperti akuanji yang telah ditandatangani, peserta dikehendaki membayar ganti rugi yuran pembayaan yang telah ditanggung oleh Kerajaan.
18.	Sekiranya terdapat sebarang persoalan berhubung pelaksanaan program ini, apakah sumber yang boleh dirujuk?	Sebarang pertanyaan berhubung pelaksanaan Program MyPSV boleh dikemukakan ke: <ul style="list-style-type: none">• mypsv@jpj.gov.my atau 03 - 8892 8714 / 03 - 8892 8693
19.	Bilakah tarikh tutup penyertaan bagi Program MyPSV ini?	Permohonan dibuka bermula 3 Julai 2023 sehingga kuota penyertaan dipenuhi.